

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS MAKAN MALAM AMAL TABUNG KEBAJIKAN "CHILDREN
Lokasi : HOLIDAY VILLA, SUBANG JAYA
Tarikh : 15-05-1991

Yang Berbahagia Pengerusi Majlis; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Pada malam yang berbahagia ini, saya mengucapkan tahniah kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana telah memberikan sokongan kepada pihak penganjur untuk menjayakan Majlis pada malam ini.

2. Kita berada beramai-ramai di sini pada malam ini khusus untuk membuat amal bagi kebajikan anak-anak kita iaitu menyumbang kepada 'Children Cancer Fund'. Seperti yang kita sedia maklum, kanak-kanak juga tidak terlepas daripada penderitaan pelbagai jenis kanser. Saya difahamkan bahawa di Semenanjung Malaysia sahaja setiap tahun, 350 kes kanser yang baru, dikesan di kalangan kanak-kanak yang di bawah umur 13 tahun. Leukemia pula merupakan jenis kanser yang paling banyak dikesan. Kanser pepejal yang lain termasuklah kanser otak, mata, buah pinggang, tulang dan sebagainya.

3. Apa yang menggalakkan ialah kanser di kalangan kanak-kanak berpotensi untuk disembuhkan jika mendapat rawatan segera. Sebagai contoh ialah leukemia. Kalau pada tahun-tahun enam puluhan dahulu, kadar penyembuhannya adalah rendah, iaitu antara 10 hingga 20 peratus sahaja, kini perkembangan-perkembangan baru telah membolehkan 70 peratus daripada penyakit leukemia disembuhkan. Begitu juga dengan kanser-kanser pepejal, seperti kanser buah pinggang dan limfoma, di mana peluang untuk penyakit-penyakit ini disembuhkan ialah 50 peratus.

4. Oleh itu, saya menyeru ibubapa supaya mendapatkan rawatan doktor dengan segera jika anak-anak mereka menunjukkan tanda-tanda sakit seperti pucat, lebam, bengkak- bengkak atau sebarang ketumbuhan di mana-mana bahagian badan supaya ianya dapat dikesan awal. Pengesanan awal ini penting kerana jika kanser itu telah melarat, ianya akan menjadi sukar untuk dikawal. Di samping itu, kanser-kanser ini memerlukan rawatan yang intensif dan pelbagai kepakaran.

Oleh itu, rawatannya memakan masa yang lama dan pesakit perlu berulang-alik ke hospital untuk rawatan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Saya diberitahu tujuan utama Majlis Makan Malam ini dianjurkan oleh Persatuan Pediatrik Malaysia ialah untuk memungut derma bagi mengisi tabung "Children's Cancer Fund".

Pihak penganjur berharap tabung ini akan dapat membantunya menyediakan suatu tempat penginapan sementara yang berdekatan dengan Hospital Besar Kuala Lumpur untuk kegunaan pesakit dan keluarga semasa mereka berulang-alik untuk mendapatkan rawatan. Sudah tentulah, pesakit dan penjaga mereka akan merasai lebih selesa sekiranya ada tempat yang berdekatan untuk mereka menginap sementara, selain daripada duduk sepenuh masa di dalam wad-wad hospital. Saya difahamkan bahawa rumah-rumah penginapan yang sedemikian banyak terdapat di luar negeri, dan lazimnya diselenggarakan oleh pihak swasta.

6. Di sini saya berharap pihak swasta akan tampil ke hadapan dan memberikan sokongan kepada projek ini, supaya ianya dapat menjadi kenyataan dengan secepat mungkin.

Masyarakat Malaysia memang terkenal dengan kemurahan hati, kesediaan untuk membantu mereka yang mengalami kesusahan.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama membantu sehingga terdirinya rumah bakti ini.

7. Selain daripada itu, tabung ini juga akan cuba membantu pesakit-pesakit dan keluarga mereka.

Aturcara-aturcara berbentuk pembelajaran seperti kem-kem percutian bagi pesakit-pesakit, buku-buku risalah untuk pesakit akan juga diambil kira oleh pihak penganjur dalam meringankan penderitaan yang dialami oleh kanak-kanak yang mengidap penyakit kanser.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Saya akhiri dengan sekali lagi menyeru semua pihak untuk menghulurkan tangan membantu pihak penganjur mencapai cita-cita murni mereka. Insya-Allah jika kita sentiasa insaf akan penderitaan orang lain dan sentiasa suka saling bantu membantu, masyarakat kita akan menjadi lebih bahagia.

Sekian, terima kasih.